



GARIS PANDUAN PEMANTAUAN PROSES SERTU NEGERI PULAU PINANG

**BAHAGIAN PENGURUSAN HALAL
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
PULAU PINANG**

GARIS PANDUAN PEMANTAUAN PROSES SERTU NEGERI PULAU PINANG

1. TUJUAN

Garis panduan ini disediakan sebagai panduan dan rujukan kepada pegawai dan kakitangan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang serta pihak-pihak yang berkaitan dalam Pengurusan Pemantauan Proses Sertu Negeri Pulau Pinang.

2. RUJUKAN

- 2.1 Garis Panduan Pengurusan Sertu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
- 2.2 Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020.
- 2.3 *Malaysia Halal Management System 2020* (MHMS 2020).
- 2.4 Lain-lain undang-undang dan peraturan berkaitan yang berkuatkuasa.

3. SINGKATAN

BPH : Bahagian Pengurusan Halal

JAKIM : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

JAIN : Jabatan Agama Islam Negeri

JHEAIPP: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang

KPP : Ketua Penolong Pengarah

KU : Ketua Unit

MAIN : Majlis Agama Islam Negeri

MAINPP : Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang

PPS : Pegawai Pemantau Sertu

SPS : Syarikat Perkhidmatan Sertu

SPPS : Surat Perakuan Pengesahan Sertu

4. DEFINISI

- 4.1 Najis *Mughallazah* (najis berat):
Najis ini daripada anjing dan babi serta benda-benda yang terjadi daripadanya termasuk cecair dan objek yang keluar dari rongga, keturunan dan sebarang jenis terbitan daripada kedua-duanya.
- 4.2 Pihak Berkuasa:
JAKIM/ MAIN/ JAIN atau mana satu berkenaan untuk memperaku bahawa mana-mana makanan, barang-barang atau perkhidmatan yang berhubung dengan makanan, atau barang-barang adalah halal mengikut Akta Perihal Dagangan 2011 [Akta 730] melalui Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011).

5. PEMOHON SERTU

- 5.1 Pemohon sertu adalah terbuka kepada mana-mana orang atau syarikat yang memerlukan perkhidmatan sertu di negeri Pulau Pinang.
- 5.2 Keperluan Proses Sertu
- 5.2.1 Keperluan proses sertu adalah berdasarkan dua keadaan berikut;
- a. Proses sertu secara reaktif;
- Proses sertu dilakukan secara arahan daripada pihak berkuasa berwibawa pensijilan halal Malaysia jika berkaitan permohonan pensijilan halal atau keperluan dari aspek hukum syarak bagi kes-kes pencemaran *najis mughallazah* di lokasi milik pemohon.
- b. Proses sertu secara proaktif;
- Proses sertu dilakukan atas permintaan pemohon sertu kerana beberapa faktor seperti penggunaan peralatan terpakai, premis yang disyaki tercemar atau lain-lain.
- 5.3 Tanggungjawab umum pemohon sertu
- 5.3.1 Pemohon sertu hendaklah melaporkan dengan kadar segera sebarang keperluan proses sertu dan menjadikan JHEAIPP sebagai pihak utama yang perlu dirujuk sebarang perkara berkaitan sertu;
- 5.3.2 Mana-mana pemohon sertu yang akan melaksanakan proses sertu hendaklah menyediakan peralatan, bahan-bahan atau apa-apa keperluan bagi menjalankan proses tersebut;

- 5.3.3 Mana-mana pemohon sertu hendaklah bersedia untuk menanggung kos pengurusan proses sertu;
- 5.3.4 Pemohon sertu boleh menentukan sama ada proses sertu dilakukan secara sendiri atau melalui SPS yang dilantik dengan pemantauan oleh BPH JHEAIPP;
- 5.3.5 Pemohon sertu hendaklah memastikan juru sertu sendiri atau juru sertu SPS yang ditugaskan adalah berpengetahuan untuk melaksanakan proses sertu;
- 5.3.6 Pemohon sertu hendaklah memilih dan melantik SPS sendiri dan bertanggungjawab sepenuhnya atas pemilihan dan pelantikan yang dibuat;
- 5.3.7 Senarai SPS boleh dirujuk berdasarkan senarai syarikat yang dikeluarkan oleh BPH JHEAIPP; dan
- 5.3.8 Sebarang persetujuan melibatkan pemohon sertu dengan syarikat merupakan perjanjian antara kedua belah pihak yang mesti dipatuhi dan tiada apa-apa kaitan dengan JHEAIPP.

6. PROSES KERJA PEMANTAUAN SERTU

- 6.1 Pemohon sertu hendaklah memaklumkan secara rasmi kepada BPH JHEAIPP mengenai cadangan proses pelaksanaan sertu seperti berikut:
 - a. Faktor keperluan kepada proses sertu
 - b. Tarikh dan tempat
 - c. Proses sertu secara sendiri atau melalui pelantikan syarikat tertentu
 - d. Kawasan, peralatan atau apa-apa yang dikenal pasti terlibat bagi tujuan proses sertu
 - e. Maklumat-maklumat lain yang berkaitan;
- 6.2 Sekiranya proses sertu adalah berdasarkan arahan pihak berkuasa berwibawa pensijilan halal Malaysia atas sebab penemuan peralatan atau kawasan yang tercemar dengan najis *mughallazah*, pegawai pemeriksa berkenaan hendaklah menyediakan laporan mengenai peralatan dan kawasan berkenaan termasuk menyediakan lakaran kasar (jika perlu). Laporan ini hendaklah ditandatangani oleh pemohon sertu dan juga PPS. Antara yang perlu ialah:
 - a. Lakaran kasar
 - b. Gambar kawasan dan peralatan

- c. Senarai peralatan / mesin
 - d. Lain-lain yang difikirkan perlu;
- 6.3 Laporan penemuan berkenaan akan digunakan sebagai rujukan semasa proses sertu. Sekiranya perlu, pegawai BPH boleh ke lokasi untuk perincian kawasan dan peralatan yang berkenaan;
- 6.4 Pegawai BPH hendaklah turun ke lokasi untuk membuat tinjauan keperluan proses sertu berdasarkan permintaan pemohon;
- 6.5 KPP BPH atau KU hendaklah menentukan pegawai pemantau sertu dengan sekurang-kurangnya dua (2) orang pegawai pada satu-satu lokasi setiap kali proses sertu dijalankan;
- 6.6 PPS hendaklah mengisi laporan pemantauan proses sertu untuk rekod dan pengeluaran surat pengesahan proses sertu;
- 6.7 SPPS hendaklah dikeluarkan kepada pemohon sertu setelah berpuas hati dengan laporan yang telah disediakan oleh PPS; dan
- 6.8 JHEAIPP berhak untuk menangguhkan pengesahan proses sertu dan mengarahkan pelaksanaan semula sertu jika tidak berpuas hati bahawa ianya masih belum sempurna menurut syarak.

7. PEGAWAI PEMANTAU SERTU (PPS)

- 7.1 KPP BPH boleh mengarahkan mana-mana pegawai dan kakitangan BPH sebagai PPS;
- 7.2 PPS hendaklah tidak mempunyai apa-apa kepentingan dan tidak terlibat secara langsung dalam proses sertu yang dilaksanakan; dan
- 7.3 PPS hendaklah berperanan sebagai saksi terhadap proses sertu yang dilaksanakan.

8. SURAT PERAKUAN PENGESAHAN SERTU (SPPS)

- 8.1 SPPS hendaklah dikeluarkan dalam tempoh tiga (3) hari bekerja selepas laporan penilaian sertu diterima. Ia hendaklah ditandatangani oleh KPP BPH atau mana-mana Ketua Unit;
- 8.2 SPPS boleh dihantar melalui emel, faks, pos atau serahan tangan; dan
- 8.3 SPPS tidak boleh disalah guna, dipinda atau dipindah milik.

9. KECUALIAN AM

- 9.1 Walau apapun peruntukan di dalam Garis Panduan ini, Jawatankuasa Panel Pensijilan Halal Malaysia Negeri Pulau Pinang adalah berkuasa

menambah, meminda atau mengurangkan apa-apa yang difikirkan perlu dari semasa ke semasa; dan

9.2 Sebarang keputusan adalah muktamad.

10. **PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA**

Garis Panduan ini terpakai dan berkuatkuasa mulai 01 Januari 2024.

Pengarah,
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang

Tarikh: 01 Januari 2024